

19/07/1997

3 syarikat majukan kaca gentian

Wan Sabariah Shikh Ali

SEBUAH syarikat usaha sama Malaysia-Jepun ditubuhkan untuk membangunkan industri pengeluaran bahan komposit daripada kaca gentian bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat di dalam dan luar negara.

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), syarikat pegangan pelaburan kerajaan, menyertai usaha sama itu dengan memegang 20 peratus kepentingan manakala sebuah syarikat tempatan, PJS Industries Sdn Bhd (PJSI) memegang 55 peratus ekuiti.

Pengeluar kaca gentian dari Jepun, Central Glass Co Ltd, yang akan memindahkan teknologi pengeluaran kaca gentian untuk bahan komposit ke negara ini, memegang 25 peratus kepentingan dalam syarikat Malaysian Central Fibre Glass Sdn Bhd (MCF).

Ketiga-tiga pihak menandatangani perjanjian usaha sama dan perjanjian bantuan teknikal di Kuala Lumpur, semalam. Khazanah diwakili Pengerusinya, Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim; PJSI oleh Pengerusinya, Datuk Mohd Yunus Ariffin; dan Central Glass oleh Naib Presiden Eksekutifnya, Yuichi Misumi.

Mohd Yunus berkata, penyertaan Khazanah dalam usaha sama itu akan mewujudkan sinergi yang diperlukan dalam penerokaan industri pengeluaran kaca gentian yang dianggap sebagai industri strategik itu.

Idea meneroka industri pengeluaran bahan komposit di Malaysia dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa tahun lalu.

Kilang MCF akan dibina di Estet Perindustrian Cinta Sayang Sungai Petani, Kedah dengan pelaburan berjumlah RM110 juta di tapak seluas empat hektar manakala empat hektar lagi rezab untuk program pengembangan masa depan.

Kilang itu yang mengandungi relau pertama mempunyai kapasiti pengeluaran 9,600 tan metrik bahan komposit kaca gentian setahun, dijangka mula beroperasi pertengahan 1999.

Menurut Mohd Yunus, 5,000 tan metrik adalah untuk pasaran tempatan manakala selebihnya akan dieksport ke negara Asean. Permintaan rantau ini untuk bahan komposit ialah kira-kira 23,000 tan metrik setahun.

Central Glass yang diperbadankan pada 1971 membekalkan kaca gentian ke negara Asia Pasifik dan Jepun dengan pengalaman meluas dalam proses kejuruteraan sistem melebur kaca.

PJSI ialah syarikat fabrikasi yang mengeluarkan plastik bersadur kaca gentian bagi sistem rawatan pembersihan dan air buangan.

Mohd Yunus berkata, kilang itu akan menghasilkan kaca gentian E iaitu bahan komposit diperkukuh yang digunakan secara meluas oleh sektor perkilangan berteknologi tinggi.

"E-glass meliputi 90 peratus daripada bahan komposit yang digunakan sebagai bahan memperkukuh dalam industri pengeluaran hari ini."

"Industri automotif menggunakan kaca gentian dalam pelbagai aplikasi daripada brek cakera hingga badan kereta dan kini mula digunakan untuk menghasilkan kontena serta trak pengangkut," katanya.

(END)